

ALAM BARU PENGAJIAN

Fazrawati Che Lah
fazrawati@metro.com.my

Nelan lah menyayatkan rami lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mula menyambung pengajian sama ada di peringkat

asasi sains, matrikulasi atau program diploma. Selepas meninggalkan alam persekolahan hampir enam bulan, pastinya momentum segelintirnya masih perlahan.

Apatah lagi, perlu menyesuaikan kehidupan sebagai pelajar yang jauh berbeza dengan alam persekolahan.

Segelintir pelajar geram

mendengar asasi sains, matrikulasi atau tingkatan enam, bagi mereka ketiga-tiga cabang pengajian itu menguji mental dan fizikal, semua perlu pantas bagi mengelak keciciran ketika pengajian.

Bagaimanapun, ia menjadi penghubung dalam melengkapkan persediaan sebelum bergelar siswa.

Pengarah Pusat Asasi Sains Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Norihan Md Arifin menegaskan, perlu sedar kehidupan asasi, matrikulasi berbeza dengan persekolahan.

N28&N29



KEPUPUSAN Boleh merajai di Angkasa semasa pengajian di universiti.



PERLU FAHAMI SUASANA PENGAJIAN

Pusat asasi sains, matrikulasi dan diploma proses sebenar buat persediaan sebelum bergelar mahasiswa

BARU MUKA N27

Katanya, tiada lagi istilah 'suapan' nota daripada guru sebaliknya pelajar perlu mencari sendiri dan berikhtisar untuk mendapatkan maklumat berkenaan pengajian masing-masing.

"Pusat asasi sains, matrikulasi dan diploma itu sebenarnya proses sebenar untuk pelajar melakukan persediaan sebelum bergelar siswa.

"Di sini mereka dilatih menjadi seorang yang bersedia melangkah ke peringkat sarjana," katanya.

Jelasnya, segala-galanya perlu diuruskan sendiri dan tidak hanya berharap kepada kuliah semamamata.

"Perlu ingat, pengajian dan pembelajaran tidak lagi

Pembelajaran di sini menumpukan kepada penyelesaian masalah yang memerlukan pelajar memahami konsep terlebih dahulu sebelum menyelesaikannya.

DR NORIHAN



ALAM universiti baru yang ada di podium sebagai pusat asasi.



PELAJAR berurusan ke arah persediaan kuliah pengajian tinggi.



MAHASISWA memeriahkan kemeriahan konvensi di pagi dalam kuliah.



SIKAP berbeza dengan pengajian di peringkat asasi sains, matrikulasi dan diploma.

serupa dengan sekolah. Di sini mereka perlu membuat sendiri sama ada mencari nota kuliah, penyarah masih memberi nota ketika kuliah, tapi untuk dapat maklumat tambahan adalah usaha pelajar.

"Di sini juga pelajar perlu rajin beritama penyarah bagi memastikan pengajian berjalan lancar, rogasan kuliah dan tutorial juga perlu disiapkan dengan cepat serta lengkap.

"Pembelajaran masih mengikut keperluan pendidikan negara,

cuma pelajar perlu lebih berusaha kerana tiada lagi istilah kelas tambahan atau latihan tuju seperti sekolah sebaliknya kena belajar sendiri atau secara berkumpulan," katanya.

Dr Norihan berkata, pelajar dan ibu bapa perlu memahami matlamat sebenar memilih untuk menyambung pengajian di institusi berkenaan.

Katanya, memilih melanjutkan pengajian di peringkat asasi sains, matrikulasi dan diploma itu berbeza dan minat dengan subjek sains seperti Fizik, Kimia, Biologi, Matematik dan Matematik Tambahan.

"Buat pilihan tepat, kerana di sini semuanya pantas. Jangan kerana mahu ikut kawan, kita gagal kerana tidak minat dengan pengajian di sini.

"Sama juga dengan ibu bapa, minta selidik dulu latar belakang pusat asasi dan bentuk pengajian, bukan sebab anak hendak menjadi doktor maka asasi jadi pilihan.

"Kami di sini, kerap dipersoalkan segelintir ibu bapa terutama berkenaan kelas tambahan atau

tuisyen, kenapa ia berbeza dengan pengajian di sekolah. Kadang-kadang soal pengurusan anak di asrama seperti waktu bangun tidur anak turut dipersoalkan," katanya.

Oleh itu, beliau memastihatkan ibu bapa dan pelajar memahami suasana pengajian di sini yang jauh berbeza dengan persekolahan.

"Pembelajaran di sini menumpukan kepada penyelesaian masalah yang memerlukan pelajar memahami konsep terlebih dahulu sebelum

menyelesaiannya. Berbeza di sekolah, pelajar diajar menjawab soalan secara hafalan. Keadaan itu menyebabkan segelintir pelajar menghadapi masalah sepanjang pengajian antaranya tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik seterusnya gagal," katanya.

Katanya, pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat asasi diingatkan mamalkan peluang itu sebaiknya kerana hanya 'selangkah' saja lagi untuk ke peringkat ijazah.



ALAM persekolahan berbeza dengan pengajian di peringkat asasi sains, matrikulasi dan diploma.